

Dasar Pancang Ke Timur masih relevan

BH 20 JAN 2001

OSAKA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Dasar Pandang Ke Timur masih relevan kepada Malaysia walaupun Jepun menghadapi masalah memulihkan ekonominya serta cuba meniru idea dan konsep Barat.

Perdana Menteri berkata, banyak lagi perkara baik yang boleh dipelajari oleh rakyat Malaysia seperti kerajinan, ketekunan, kecekapan dan semangat Jepun.

"Kita sedar ketika kita mahu memandang ke Timur, Jepun pula mahu memandang ke Barat."

"Jepun menghadapi masalah dan gagal memulihkan ekonominya kerana terlalu mahu meniru Barat, dari segi politik, ekonomi atau pentadbiran kewangan.

pada Pelaburan Terus Asing (FDI) bagi mencapai negara maju menjelang 2020.

Menurutnya, pergantungan kepada FDI semakin dikurangkan dan pada tahun lalu, pelaburan tempatan lebih tinggi daripada asing.

"Saya yakin pada suatu hari, syarikat tempatan akan menggantikan FDI. Oleh itu, rakyat tempatan perlu berusaha membuka syarikat sendiri atau mencari peluang mewujudkan peluang perniagaan melalui kerjasama dengan syarikat asing.

"Pelajar di Jepun yang menimba pengalaman di negara ini dan kemudian kembali bekerja di Malaysia digalakkan berbuat demikian," katanya.

Dr Mahathir berkata,

"Jepun perlu kembali ke pangkal jalan dan mentadbir negaranya mengikut cara lamanya jika mahu pulih. Bagaimanapun, apa yang berlaku di Jepun sekarang, tidak bermakna Dasar Pandang Ke Timur tidak lagi relevan kepada Malaysia.

"Dasar itu masih relevan kerana banyak budaya dan nilai baik Jepun yang perlu kita pelajari," katanya dalam pertemuan dengan kira-kira 100 pelajar Malaysia yang menuntut di wilayah Kansai, di sini, malam ini.

Wilayah Kansai meliputi Osaka, Kyoto, Shiga, Hyogo, Nara dan Wakayama.

Dr Mahathir berkata, banyak teknologi Jepun yang tiada di negara lain boleh dipelajari oleh rakyat Malaysia.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan meneruskan Dasar Pandang Ke Timur dan terus menghantar pelajar dan rakyatnya untuk menimba ilmu dan pengalaman di Jepun.

Selain itu, katanya, nilai murni rakyat Jepun seperti berbudi bahasa, amanah, bersemangat dan bekerja keras mesti dicontohi rakyat Malaysia untuk menjadi bangsa yang maju dan dihormati.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata, negara tidak akan bergantung selama-lamanya ke-

pengalaman dan ilmu yang mereka peroleh boleh digunakan untuk membuka perniagaan secara kecil-kecilan terlebih dulu, sebelum menjalankan perniagaan lebih besar.

"Dalam hal ini, kerajaan sentiasa bersedia membantu mereka yang berminat untuk membuka perniagaan kerana ia akan mewujudkan lebih ramai masyarakat perniagaan di Malaysia," katanya.

Dalam ucapannya sebelum itu, Dr Mahathir berkata, kemajuan dicapai negara sekarang untuk generasi akan datang.

Menurutnya, pembangunan yang dijalankan kerajaan sehingga Malaysia dipandang tinggi dan dihormati negara lain, mesti diteruskan oleh generasi akan datang.

"Kerajaan membangun negara untuk generasi akan datang. Kita tidak mahu meninggalkan generasi akan datang dengan negara yang dipandang hina dan ekonominya hancur.

"Generasi akan datang mesti meneruskan usaha sekarang supaya Malaysia terus dihormati dan rakyatnya tidak dianggap sebagai bermasalah, bodoh dan malas.

"Bagi mencapai matlamat itu, rakyat perlu dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan nilai hidup murni," katanya.